

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SIDANG2 PILIHANRAYA: UMNO DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, Ahad — Semua mesyuarat perwakilan dan pemilihan jawatankuasa bahagian-bahagian UMNO telah ditangguhkan hingga selepas pilihanraya umum ini.

Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata keputusan itu dibuat bagi membolehkan semua ahli parti menumpukan sepenuh perhatian

terhadap persiapan menghadapi pilihanraya.

Bagaimanapun, cawangan-cawangan UMNO yang telah pun menetapkan tarikh mesyuarat agung masing-masing boleh mengadakannya mengikut jadual.

Katanya, satu keputusan akan dibuat kemudian mengenai tarikh mesyuarat bahagian-bahagian UMNO.